



SIARAN MEDIA

MALAYSIA MENYATAKAN HASRAT MENGANGGOTAI LEMBAGA EKSEKUTIF *UNITED NATIONS HUMAN SETTLEMENT PROGRAMME* (UN HABITAT) BAGI MEWAKILI RANTAU ASIA PASIFIK

PUTRAJAYA, 28 MAC 2023 – YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM), Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan telah mengadakan sesi libat urus bersama duta besar dan wakil kedutaan asing di Malaysia daripada negara-negara rantau Asia Pasifik yang berlangsung di Hotel Mandarin Oriental, Kuala Lumpur pada 20 Mac 2023 baru-baru ini.

Majlis yang julung kali diadakan ini melibatkan YB KM semenjak beliau dilantik sebagai Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan pada 3 Disember 2022. Majlis ini yang turut dihadiri oleh wakil-wakil daripada pelbagai agensi kerajaan termasuk Kementerian Luar Negeri (Wisma Putra) merupakan satu wadah untuk merealisasikan hasrat Malaysia menganggotai Lembaga Eksekutif *United Nations Human Settlement Programme* (UN Habitat).

Sesi libat urus ini merupakan inisiatif dan usaha Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk meraih sokongan bagi Malaysia untuk menganggotai Lembaga Eksekutif tersebut serta mengukuhkan hubungan dan jalinan kerjasama dengan negara-negara anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), khususnya dalam konteks perbandaran mampan.

Menurut YB KM, “Malaysia berhasrat untuk menjadi antara negara ahli yang mewakili rantau Asia Pasifik bagi menganggotai Lembaga Eksekutif UN-Habitat semasa pemilihan yang akan diadakan di Nairobi, Kenya pada Jun 2023 bagi meletakkan negara di barisan hadapan dalam agenda perbandaran mampan dan sejagat di pentas global.”

Selain itu, hasrat ini akan mengukuhkan peranan Malaysia dalam menjayakan agenda Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals* – SDGs) terutamanya

Matlamat 11 (*Sustainable Cities and Communities*) antara lain, yang menjadi rujukan di peringkat global sebagai hala tuju pembangunan negara menerusi polisi dan inisiatif yang telah direncanakan oleh KPKT.

Majlis ini turut dihadiri oleh YBhg. Datuk M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha KPKT; YBhg. Datuk Saidatu Akhma binti Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Persekitaran Mampan) serta wakil-wakil daripada Kementerian Luar Negeri dan agensi.

#StrongerTogether
#UnityInDiversity
#DemiPertiwi
#MalaysiaMADANI

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

